

## **AMALAN SOLAT FARDU DALAM KALANGAN PELAJAR PISMP SEMESTER 3 AMBILAN JANUARI 2012**

*Mohd Zainal Abidin bin Che Mood\*, Mohd Aminuddin bin Ab Rahaman, Nurul Huda binti Mohd Bisri & Norlela binti Ali*

### **Abstrak**

*Kajian ini adalah bertujuan untuk mengetahui sejauh mana kefahaman pelajar PISMP Semester 3 Ambilan Januari 2012 IPG Kampus Ilmu Khas terhadap pengamalan ibadah solat dalam kehidupan sehari-hari. Kajian ini memfokuskan kepada tiga skop iaitu tahap kefahaman, faktor-faktor utama yang mempengaruhi pelajar melaksanakan ibadah solat dan kepentingan melaksanakan ibadah solat. Responden dalam kajian ini terdiri daripada pelajar muslim dari Semester 3 PISMP Ambilan Januari 2012 di Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas, Cheras, Kuala Lumpur. Jumlah keseluruhan sampel adalah seramai 30 orang. Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Data diproses dengan menggunakan statistik deskriptif untuk mendapatkan nilai min dan peratus dengan menggunakan Perisian Statistical Package For The Social Sciences (SPSS) Versi 17.0. Hasil analisis menunjukkan bahawa responden mengetahui dan memahami tentang kepentingan solat. Namun, tahap pengamalan pelajar dalam melaksanakan solat masih kurang memuaskan. Oleh itu, beberapa cadangan turut dikemukakan kepada pihak tertentu untuk diambil tindakan bagi meningkatkan tahap kesedaran dan mempertingkatkan lagi pengamalan solat dalam kalangan pelajar.*

**Kata Kunci :** Amalan, Solat Fardu dan PISMP

### **Abstract**

*The purpose of this study is to determine the understanding of students on practicing religious prayers in their daily life. This study focuses on three areas, namely the level of understanding, the key factors that affect students' performance of prayers and the importance of performing prayers. Respondents in this study are composed of Muslim students of Semester 3 PISMP January 2012 intake in IPG Kampus Ilmu Khas, Cheras, Kuala Lumpur. The total sample is about 30 students. In this study, researchers used questionnaires as the research instrument. Data were analyzed using descriptive statistics to obtain the min and percentage using the Statistical Package For The Social Sciences (SPSS) version 17.0 software. The analysis shows that respondents know and understand the importance of prayer. However, the practice of students in performing prayers was still at an unsatisfactory level. Several proposals were submitted to relevant parties to take action for raising the awareness and improve the practice of prayer among students.*

**Key words :** Practise, Prayers and PISMP

Email: \* zainalabidin@ipik.edu.my